

PADANG BESAR, 4 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERPUAS HATI BAHAWA KUTIPAN CUKAI KASTAM DI BANDAR SEMPADAN PADANG BESAR DAN BUKIT KAYU HITAM TELAH MENINGKAT SEJAK DIDIRIKAN PAGAR ESELAMATAN MENEGAH PENYELUDUPAN DI BEBERAPA KAWASAN DI SEPANJANG SEMPADAN MALAYSIA-THAI.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA DIMIKIAN SETELAH MELAKUKAN LAWATAN KE KAWASAN PAGAR KESELAMATAN DI BUKIT KAYU HITAM, CHUPING DAN PADANG BESAR DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI HARI INI.

KATANYA, PAGAR SEPANJANG 17 BATU YANG DIDIRIKAN OLEH KERAJAAN TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA LANGKAH TERSEBUT MERUPAKAN SATU USAHA YANG BERKESAN BAGI MENEGAH PENYELUDUPAN DI KAWASAN SEMPADAN.

MENURUT DATUK SRI DR. MAHATHIR, KUTIPAN CUKAI KASTAM NAIK EMPAT KALI GANDA DI PADANG BESAR DAN SEKALI SETENGAH GANDA DI BUKIT KAYU HITAM SEJAK PAGAR ITU DIDIRIKAN. — BERSAMBUNG
1750/1B

££

B595:

PAGAR—MAHATHIR 2 PADANG BESAR

BELIAU BERKATA KERJA MEMBINA PAGAR DAWAI YANG MENELAN BELANJA \$4.5 JUTA ITU DIMULAKAN DALAM BULAN MEI TAHUN LALU DAN SETAKAT INI SEPANJANG 17 BATU TELAH PUN DISIAPKAN DARI BUKIT KUA CHU KE CHUPING. (DI KAWASAN SEMPADAN 19).

SATU LAGI KAWASAN MELIPUTI SELUAS LIMA BATU DARI SEMPADAN 19 KE BUKIT KAYU HITAM AKAN JUGA DIPAGAR DENGAN BELANJA \$1.2 JUTA, TAMBAH BELIAU.

PAGAR TERSEBUT JUGA MERUPAKAN SATU LANGKAH UNTUK MENEGAH KEGIATAN MENYELUDUP DADAH DAN SENJATA API.

MENGENAI SOAL ORANG-ORANG THAI ISLAM YANG MENJADI SETINGGAN DI KAWASAN PADANG BESAR SEBELAH MALAYSIA, DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA BOLEH TERUS TINGGAL DISITU ASALKAN MEREKA BERDAGANG SECARA AMAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MERASAKAN KAWASAN SETINGGAN ITU PATUT DIPAGAR SUPAYA TERASING DARI KAWASAN KASTAM AGAR MEREKA BOLEH MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA MELANGGAR SEBARANG PERATURAN.

URUT MENGIKUTI TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM LAWATAN ITU IALAH MENTERI BESAR PERLIS, DATUK HAJI JAAFAR HASSAN, MENTERI BESAR KEDAH DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI ENCIK OSMAN CASSIM.

YANGLAIN-LAIN IALAH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK HARUN ARIFFIN, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ROZHAN KUNTOM, BRIGADIER JENERAL HASHIM MOHAMED ALI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN. — — BERNAMA
1800/1B